

29/01/1999

Pengguna sambut baik kadar baru tol

KUALA LUMPUR, Khamis - Orang ramai menyambut baik langkah kerajaan mengurangkan kenaikan kadar tol Lebuhraya Utara-Selatan berbanding cadangan asal dan menurunkan kadar tol di Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP).

Tinjauan Berita Harian mendapati pengguna kedua-dua lebuhraya berkenaan bersikap positif dan berpuas hati dengan keputusan kerajaan seperti yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam.

Pemandu lori, Rosli Hussain, 34, berkata pengurangan kenaikan kadar tol bagi Lebuhraya Utara-Selatan itu adalah wajar kerana kadar yang dicadangkan sebelum ini agak tinggi dan membebankan pengguna.

"Keputusan kerajaan itu memang kena pada masanya iaitu ketika rakyat negara ini sedang mengalami kesan kegawatan ekonomi yang masih belum pulih sepenuhnya."

"Saya menggunakan Lebuhraya Utara-Selatan setiap hari, berulang alik ke tempat kerja dan terpaksa melalui tiga tol. Jadi dengan pengurangan ini bebanan saya berkurangan sedikit," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Mengikut kadar baru, tol Lebuhraya Utara-Selatan dinaikkan 0.74 sen bagi kenderaan persendirian, menjadi 11.24 sen sekilometer berbanding 10.5 sen sekilometer sekarang.

Kenaikan 0.66 sen itu jauh lebih rendah berbanding cadangan kenaikan 1.4 sen kepada 11.9 sen sekilometer mengikut perjanjian konsesi asal.

Kadar tol bagi LDP pula diturunkan 50 sen menjadi RM1, berbanding RM1.50 sebelum ini.

Bagi warga Jepun, Asataka Kegishi, 29, penurunan kadar tol itu menunjukkan kerajaan Malaysia amat prihatin dengan masalah yang dihadapi rakyat.

"Dr Mahathir ternyata seorang pemimpin yang berjiwa rakyat kerana begitu memahami apa yang dikehendaki oleh rakyat Malaysia. Secara peribadi saya begitu mengaguminya."

"Jika dibandingkan dengan Jepun, kadar tol di sini sebenarnya jauh lebih murah. Di sana pengguna terpaksa membayar kira-kira RM10 setiap kali melaluinya," katanya.

Beliau yang tinggal di Malaysia sejak lapan tahun lalu dan bekerja dengan sebuah akhbar berbahasa Jepun turut memuji lebuhraya di Malaysia yang disifatkannya sebagai terbaik di Asia Tenggara.

Pengurus bank, Mohamad Zaki Ali, 34, pula berpendapat adalah tidak adil jika kerajaan terus mengekalkan kadar tol LDP sekarang kerana ia amat tinggi dan membebankan pengguna.

"Dengan penurunan ini, adalah diharapkan ia berkekalan dan tidak hanya bersifat sementara kerana yang menanggung beban adalah rakyat," katanya.

(END)